

JABATAN KORPORAT
TARIKH: 20.06.2025 MASA: 06.30PM
MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN AKAUN
SIMPANAN SSPN PRIME KEPADA ANAK-ANAK
KAKITANGAN
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**25 JUN 2025 (RABU)
10.30 PAGI**

**DEWAN KENANGA, MENARA BANDARAYA, MBSP
SEBERANG PERAI TENGAH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita diberi kesempatan untuk berhimpun dalam suasana penuh keberkatan pada pagi ini bagi menjayakan **Majlis Penyerahan Sumbangan Akaun Simpanan SSPN Prime Kepada Anak-Anak Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)**.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Encik Muhammad Muhsin bin Abdul Rahman, Pengarah Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Pulau Pinang dan pihak PTPTN kerana sudi menjalin kolaborasi strategik bersama MBSP bagi menjayakan inisiatif murni ini.
3. Tidak lupa juga, setulus penghargaan saya ucapkan kepada semua hadirin yang hadir pada pagi ini yang telah memberikan sokongan padu dalam setiap usaha yang menyentuh kepentingan bersama serta seluruh warga kerja MBSP yang telah bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran majlis pada hari ini.
4. Majlis pada pagi ini merupakan suatu manifestasi komitmen bersama antara MBSP dan PTPTN dalam usaha memelihara kebajikan warga kerja melalui pemberian sumbangan Akaun Simpanan SSPN Prime sebanyak RM100 setiap seorang kepada seramai 100 orang anak

kakitangan MBSP daripada kategori pendapatan B40. Mereka ini terdiri daripada barisan wira oren kita yang sentiasa komited menyumbang tenaga dan bakti demi kesejahteraan serta kelestarian bandar raya ini.

5. Inisiatif ini bukan sekadar satu bentuk sumbangan kewangan, malah ia merupakan pelaburan awal yang amat bernilai dalam menjamin masa depan pendidikan anak-anak kakitangan MBSP. Amalan menabung sejak usia muda mampu membuka lebih banyak peluang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, sekali gus membentuk generasi celik kewangan yang berilmu, berdaya saing dan berwawasan.
6. MBSP amat mengalu-alukan kerjasama strategik sebegini yang bukan sahaja memberi manfaat terus kepada kakitangan, tetapi turut memperkuuh hubungan antara agensi kerajaan dalam menyantuni komuniti penjawat awam yang sentiasa berdiri di barisan hadapan dalam pembangunan bandar raya ini.
7. Justeru, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada PTPTN Negeri Pulau Pinang atas keprihatinan dan komitmen dalam membantu golongan B40, khususnya anak-anak kakitangan MBSP. Inisiatif sebegini bukan sahaja mencerminkan nilai tanggungjawab sosial yang tinggi, malah menjadi teladan kepada usaha berterusan

dalam memperkasa kesejahteraan penjawat awam, khususnya dalam aspek pendidikan dan pembangunan keluarga.

8. MBSP sentiasa menitikberatkan aspek pembangunan keluarga dalam agenda pentadbiran dan percaya bahawa pendidikan anak-anak adalah antara aset terpenting dalam membina masyarakat madani yang holistik. Justeru, sokongan seumpama ini amatlah dialu-alukan dan wajar diteruskan.
9. Harapan saya, agar usaha murni yang kita raikan hari ini dapat diteruskan dengan lebih menyeluruh dan inklusif pada masa akan datang. Adalah menjadi impian saya agar lebih ramai anak-anak kakitangan mendapat manfaat daripada program sebegini, di samping memupuk kesedaran tentang pentingnya tabungan pendidikan dalam kalangan masyarakat.
10. Semoga segala usaha dan komitmen yang telah dicurahkan dalam menjayakan inisiatif ini akan terus membawa manfaat jangka panjang kepada warga kerja MBSP dan keluarga mereka, serta menjadi pemangkin kepada lebih banyak kerjasama strategik pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***